

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 38 RABU 19HB. SEPTEMBER, 1973. 1393 رابو 21 شعبان PERCHUMA



Pmk. SUK kelihatan sedang menyaksikan rumah Awg. Jais di-Kampung Kiarong yang ranap di-jilat api. Berbaju singlit putih ia-lah Awang Jais, di-belakangnya Pekerja Kanan Kebajikan, Abang Abu Hanifah.

Kebakaran rumah di-Kampung Kiarong: Bantuan orang ramai di-perlukan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz pada hari Isnin telah menyaksikan rumah kediaman Awang Jais bin Abu Bakar di-Kampung Kiarong yang telah ranap sama-sekali di-jilat api malam Sabtu lalu.

Dalam lawatan itu, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Hj. Abdul Aziz juga telah menyampaikan derma bantuan yang berupa pakaian pada Awang Jais dan keluarga-nya sa-bagai meringankan lagi penderitaan mereka.

Yang Berhormat itu juga menyampaikan rasa terharu-nya dan bersimpati terhadap kejadian yang menimpa keluarga itu. Beliau bershukor kerana kejadian itu tidak melibatkan sa-barang kechederaan kepada sa-siapa pun.

Berthabit dengan perkara itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan menyeru kepada Persatuan2 Belia di-Daerah Brunei/Muara terutama sekali Persatuan2 Belia yang berdekatan dan orang ramai khas-nya supaya mengambil inisiatif

yang berkesan bagi membantu untuk meringankan lagi beban penderitaan yang di-tanggung oleh Awang Jais dan keluarga-nya.

Semua derma2 bantuan kepada Awang Jais dan keluarga hendaklah di-hantar melalui Pejabat Kebajikan.

Pesuruhjaya Kebajikan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh bin Haji Masri yang juga turut menyaksikan ka-tempat kejadian itu telah menyampaikan bantuan2 yang berupa pakaian dari orang ramai melalui Jabatan Kebajikan.

Pada hari Sabtu lalu, Pejabat Kebajikan telah memberi bantuan barang2 makanan kepada keluarga Awang Jais. Di-antara bantuan2 itu termasuklah beras, gula, teh, susu dan roti.

(Lihat Muka 8)

Masa bekerja dlm bulan puasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Waktu bekerja bagi jabatan2 kerajaan di-seluruh negeri sepanjang bulan puasa akan datang akan di-kurangkan sa-tengah jam pada sebelah pagi. Waktu bekerja di-sebelah tengah hari tidak berubah.

Surat Keliling Jabatan Setia Usaha Kerajaan menyatakan bahawa waktu bekerja di-jabatan2 kerajaan di-seluruh negeri dalam bulan Ramadhan 1393 ia-itu dari hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu ia-lah mulai dari 8.00 pagi hingga 12.15 tengah hari dan dari 1.15 petang hingga 4.00 petang.

Bagi pekerja2 yang bergaji hari pula, waktu2 mulai bekerja di-sebelah pagi ada-lah di-kurangkan sa-tengah jam daripada waktu2 bekerja biasa seperti yang telah di-tentukan kepada mereka dan waktu2 bekerja di-sebelah tengah hari ada-lah tidak berubah.

Pengkajian siberan 'am

BANDAR SERI BEGAWAN. — Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Setia Usaha Kerajaan telah melantik beberapa orang pegawai untuk menemu-duga penduduk2 kampung berkenaan di-seluruh negeri mengenai siaran Radio Brunei.

Pegawai2 penemu-duga itu akan mulai menjalankan tugas pada tiap2 hari mulai hari ini sa-hingga 25hb. September.

Satu penerangan khas mengenai chara2 penemu-duga telah di-berikan oleh Pegawai Perangkaan Kanan di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Dayang Jusnani binte Haji Lawie dibilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka pagi sa-malam.

Dayang Jusnani dalam penerangan-nya telah mengharapkan kepada pegawai2 penemu-duga itu supaya menja-

lankan tugas mereka dengan jujur dan menurut peraturan2 yang telah di-arahkan.

Penduduk2 kampung berkenaan yang akan di-temu duga oleh pegawai2 itu juga di-min-ta supaya memberikan kerjasama untuk memberikan keterangan2 yang di-perlukan.

Semua butir2 keterangan yang di-perolehi itu akan di-jadikan satu pengkajian terhadap peranan siberan am Kerajaan yang penting di-negeri ini.

Perkhidmatan udara Brunei/London

MULAI dari 30hb. Oktober depan, British Overseas Airways Corporation — BOAC akan memulakan perkhidmatan per-

bongan udara sa-chara langsung buat pertama kali-nya antara Borneo dan Eropah.

Perkhidmatan baru itu, yang menggunakan kapal terbang jenis Super VC 10 akan berlepas dari Lapangan Terbang Antara Bangsa Brunei pada jam 9.00 pagi tiap2 hari Selasa dan tiba di-London pada petang itu juga.

Penerbangan ka-Brunei akan berlepas dari London pada waktu tengah hari tiap2 hari Ahad dan tiba di-Brunei pada petang kesesokan hari-nya.

Penumpang2 dalam perjalanan antara Brunei dan Singapura juga boleh menggunakan perkhidmatan baru VC 10 kerana kapal terbang tersebut singgah di-Singapura dalam kedua2 penerbangan-nya pergi dan balik ka-Eropah.

Pmk SUK akan rasmikan Peraduan Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz akan merasmikan Peraduan Membaca Quran Peringkat Seluruh Negeri pada hari Sabtu 22hb. September, di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan jam 8.30 malam.

Sa-ramai 10 orang qari dan qari'ah yang mewakili empat daerah akan bertanding.

Daerah Brunei/Muara akan di-wakili oleh Awang Haji Mashud bin Awang Damit, Awang Morni bin Sanai, Dayang Siti Hamidah binte Awang Angkat dan Dayang Hajjah Damit binte Mohamed Yusof.

Daerah Belait akan di-wakili oleh Awang Araba'ie bin Awang Metali, dan Dayang Taibah binte Kudi. Daerah Tutong di-wakili oleh Awang Mohamed Tahir bin Haji Jaafar dan Dayang Masni

binte Haji Manaf, sementara Daerah Temburong di-wakili oleh Awang Mohamed Yusof bin Awg. Damit dan Sharifah Hasnah binte Malai Yahya.

Peraduan tersebut akan di-langsungkan sa-lama dua malam berturut2 yang berakhir pada 23hb. September.

Perkhidmatan Melayu Radio Brunei akan menyiarkan sa-chara langsung peraduan tersebut dari awal hingga akhir.

Belia dan Kebudayaan

Sambongan kertas kerja yang di-tulis oleh Awang Haji Abdul Aziz Juned ia-itu salah sa-buah kertas kerja yang di-binchangkan dalam Seminar Belia an-joran Majlis Belia2 Negeri Brunei.

DARI segi socialization ini per-lu pula di-tekanakan, bahawa kedua2 belah pihak tidak-lah harus menimbolkan soal2 gulungan: Gulungan tua dan gulungan muda. Kerana jika ini timbol, pasti semua-nya akan terbelengkalai dan yang jelas masing2 akan mengang-gan gulungan yang lain dari gulungan-nya sa-bagai musuh, atau sekurang2-nya ragu meragui. Kita tidak menafikan ada-nya pertikaian yang kechil2an, saperti satu gulungan tidak sukakan berambut panjang sementara yang lain menyukai-nya. Saya fikir pertikaian sa-rupa ini ada-lah perkara kechil dan biasa, tidak harus di-besar2kan sa-hingga mengakibatkan timbol-nya gulungan2 yang bermusoh dalam masyarakat. Tetapi jika mau, hal ini dengan mudah dapat di-usai melalui amalan dan lojik undang2 umpama-nya. Dan dengan itu tidak akan menjejaskan sedikit jua pun kerukunan (solidarity) yang kita chita2kan bersama.

NILAI SUSILA

Bila saya berkata demikian, saya tidak sekali2 bermaksud mempertikaikan perkara ini dengan masa'alah moral. Kerana dalam banyak hal tanggapan orang tentang nilai susila (morality) itu sering berlainan. Pada pendapat saya apa yang disebut moral itu di-samping harus ujud pada sifat2 lahir, ia juga harus di-teropong melalui "attitude" lengkap sa-seorang manusia itu. Dalam hal ini, bukan-lah saya hendak menutup perbincangan mengenai akhlak atau moral itu, tetapi dalam kertas kerja ini, perkara ini, saya fikir tidak-lah mustahak di-perpanjang2kan sangat. Kerana semua orang pun sudah tau bahawa sejarah telah menentukan dengan mutamat bahawa orang2 yang popular di-dunia, yang kekal nama dan jasa-nya di-puja dan di-sanjog tinggi ia-lah orang2 yang berakhlak tinggi. Nabi Muhammad S.A.W. semanjak kechil2nya lagi sudah terkenal dalam kalangan bangsa-nya, sa-hingga ketika remaja-nya, waktu mana bangsa Arab menghadapi krisis yang amat hebat mengenai Hajarul Aswad, beliau di-angkat menjadi hakim (di-waktu itu umur beliau baru d a l a m lingkungan 35 tahun). Segala sifat2 luhur terkumpul dalam diri-nya: Jujur, berchakap benar dan amanah. Sabalek-nya Napoleon, yang jarang sekali dunia ini mendapat orang sa-besar itu, tidak dapat di-jadikan contoh yang baik kerana akhlak-nya yang rendah, pantang melihat perempuan dan pemungkir janji. Bismarck yang menjadi kebanggaan bangsa Pruisen yang dapat menyatukan Jerman melalui konsep hidup "api dan besi", juga di-sa-at2 akhir zaman ini tidak di-gemari kerana ia terkenal sa-bagai sa-orang yang tidak tegoh memegang janji. Dan banyak lagi chontoh2 lain yang tidak mungkin di-sebutkan satu persatu-nya di-sini. Pendek-nya kita turut mengakui bahawa konsep akhlak ada-lah turut sama berpengaruh dalam sesuatu pembangunan itu.

PERANAN BELIA

Kita sekarang lebeh menitek beratkan peranan kaum belia dalam pembangunan. Maka dalam soal budaya, pergolakan dan perubahan itu berlaku sa-tiap ada-nya pengaruh peradaban luar itu datang kepada kita. Mula-nya daripada peradaban Hindu, kemudian Islam dan akhir sekali peradaban Barat Modern. Mengingat ini, kita bertanya: Apa-kah yang di-namakan chiri2 lama yang asli yang tumbuh dan lahir dari masyarakat kita sendiri? Menjawab pertanyaan ini sangat-lah sulit. Chu-

ma yang dapat kita katakan, persoalan ini ada-lah persoalan yang amat kompleks. Tidak siapa yang boleh meneka-nya dengan tepat. Tetapi bagaimana pun, sa-chara umom chiri2 asli dalam kebudayaan sendiri (pure-culture) itu pasti ada. Yang ada ini-lah yang terus menerus berubah dan berkembang hasil pertambahan dengan pengaruh2 luar yang mendatangi-nya. Dan itu-lah pula pada pokok-nya yang kita namakan sa-bagai kebudayaan tradisional.

UMPAMA BENEH

Chiri2 kebudayaan tradisional ini akan terus pula menjalani proses dan ujian oieh zaman dan kehidupan. Ada yang di-antaranya akan hilang begitu sahaja, ada yang boleh di-beri tanggapan baru dan ada pula yang terus bergabung dengan chiri2 baru sa-hingga menjadi sa-bati. Saperti bila di-umpamakan dengan beneh tumbuhan: Ada yang gagal dan bantut sama sekali untuk tumbuh, ada yang dapat tumbuh dengan subur-nya, sementara ada pula yang boleh berchantum dengan beneh lama melahirkan tumbuhan yang baru dalam bentuk-nya yang paling sempurna, ia-itu selaras dan terta'alok pada bumi dan iklim yang menerima-nya. Sa-bagai misalan dapat di-lihat di-dalam sistem ekonomi di-mana2 jua. Apa yang di-panggil sistem ekonomi tradisional itu pernah berjalan dan di-mileki oleh semua negara2 di-dunia, baik sa-belum berlakunya revolusi industri di-Eropah mau pun sesudah-nya. Di-Negara2 sedang membangun, termasuk kita, sistem itu maseh berjalan dan di-praktikkan, tetapi rata2 menjadi chiri2 kita semua mengasaskan sistem ekonomi yang berjalan di-negara masing2 atas sistem ekonomi moden Barat. Demikian pula dengan sistem politik. Meskipun terdapat unsur2 sistem tradisional di-kekalkan, tetapi asas sistem politik yang sudah dan sedang berjalan ada-lah sistem berperlembagaan yang moden. Kita sa-takat ini ada mempunyai beberapa Majlis Mashuarat, yang di-panggil dengan nama2 yang berlainan, tetapi mempunyai fungsi yang sama: Untuk kebaikan.

KEBUDAYAAN NASIONAL

Sa-takat ini kita mempunyai gambaran bahawa kebudayaan kita itu mesti-lah di-si. Tetapi sa-belum itu amat perlu bagi kita terlebih dahulu menetapkan konsep kebudayaan nasional kita, kerana dari sini kita akan mengenalkan diri kita sa-bagai satu bangsa yang pernah ujud dan akan terus ujud. Apa-kah ia (konsep kebudayaan Nasional) itu?

Pada pendapat saya, konsep kebudayaan nasional atau kebudayaan kebangsaan yang paling jitu, mesti-lah berasas dan berunsurkan perkara2 yang ada pertalian erat dengan negeri kita ini, Brunei. Meskipun muda dalam sejarah moden-nya, tetapi ia juga pernah berhubung sejarah dengan rantau di-sekitar-nya dalam erti ia juga pernah melibatkan diri dalam kebangsaan sa-rantau. Kerana itu, kebudayaan nasional mesti-lah men-

cherminkan hakikat sejarah ini, dan unsur2 yang tumbuh daripadanya kelak, itu-lah yang akan memupok dan melahirkan identiti kebangsaan Brunei tulin. Ma'ana-nya kita boleh berupaya melahirkan penchiptaan2 kreatif kita sendiri, tetapi dalam pada itu, kita tidak pula mungkin menolak langsung apa2 yang berhubung dengan rantau ini, jika ia-itu boleh di-sesuaikan dengan bumi dan hidup kita. Kerana menolak itu, berm'ana sa-paroh daripada membelakangi feet sejarah. Saya bersetuju dan bahkan menyaran-kan, bahawa hasil2 chiptaan kebangsaan mesti-lah selalu di-nilai sa-hingga ia tidak akan pernah berlawanan dengan kehendak2 masa dan masyarakat. Dan yang mustahak hasil2 chiptaan kebangsaan itu ada-lah yang tidak sedikit pun akan menchederakan identiti kebangsaan kita. Misal-nya hasil2 chiptaan yang berchorak kesenian, hendak-lah seboleh2-nya mencherminkan falsafah hidup dan keberibadian rayat jati Brunei, sementara hasil2 chiptaan sains dan teknologi lebeh di-titek berat-kan kepada nilai2 yang di-kagumi dan di-terima oleh dunia antara bangsa dari tunduk semata2 kepada nilai2 murni nasional.

UNSUR2 BUDAYA

Tugas belia, bahkan tugas kita semua, ia-lah mencari dan terus membongkar apa-kah unsur2 budaya kita yang boleh memupok identiti nasional, dan mengenalkan-nya kepada anggota masyarakat supaya ia dapat di-fahami dan di-pegang sa-bagai falsafah hidup yang akan di-gunakan terus untuk membangun. Saya beri chontoh di-antara konsep hidup tradisional kita saperti "ta'at berugama dan pantang menderhaka kepada raja", boleh di-beri pengertian atau tanggapan yang seluas2nya dalam keadaan kita sekarang dan bagi masa2 yang akan datang sa-bagai warisan luhur yang berfaedah dan mendatangkan keuntungan. Juga falsafah "memuchang2" (bekerjasama) dan falsafah "muafakat" (mashuarat) hingga sekarang maseh terus popular di-kalangan bangsa kita, chuma sedikit benar yang menyedari bahawa ia mungkin akan hilang jika kita kurang melaung dan mengamalkan-nya dalam masa2 sekarang. Sebab pada zaman ini kesempatan terlalu sedikit, sementara peluang2 dan faktor2 yang mendesak untuk orang hidup sa-chara nafsu — nafsi sangat luas dan tidak terbatas. Demikian pula dalam khazanah kesenian dan kesusasteraan lama terdapat banyak chontoh tauladan yang bermutu melalui tuturan2 (cherita2) orang tua2 saperti juga sa-tengah pepatah — petitiyah yang baik, yang mengandong nilai2 budi dan akhlak yang tinggi, tidak shak lagi semua itu perlu di-hidup dan di-tanamkan ka-dalam jiwa dan batin keturunan baru kita sekarang.

Ini-lah salah satu-nya chara bagaimana memupokkan identiti ke-Bruneian (nasional) di-lakukan, ia-itu dengan menyedarkan dan menimbolkan sa-mula nilai2 kebudayaan tradisional ka-dalam jiwa anggota masyarakat, di-sam-

ping hasil2 chiptaan baru yang berteraskan latar belakang kebangsaan terus di-pergiat. Daya usaha memupokkan identiti ke-Bruneian ini harus-lah datang dari sa-genap pihak, tetapi penyaluran-nya tidak pula mesti pada semua orang, bahkan keutamaan harus di-tumpukan melalui sekolah2, kerana anak2 sekolah ia-lah warisan jenerasi kita yang akan mewarisi masa depan yang lebeh gemilang. Jika kita tidak mau memulakan langkah ini, saya khuatir apa yang kita hadapi hari ini akan sa-makin rumit di-kemudian hari kelak.

NILAI2 KEBUDAYAAN

Kenyataan yang ada sekarang, kita menghadapi masaalah menyaring, kemudian mengenalkan nilai2 kebudayaan yang baik (lama mau pun baru) kepada jenerasi kita yang ada, dan kemudian timbol pula masa'alah2 paling baru ia-itu berhubung dengan penchiptaan2 bentuk baru dalam kebudayaan dan akhir sekali kita akan menemukan konsep kebudayaan nasional sa-bagai teras memupokkan identiti ke-Bruneian; juga di-samping itu kita ada satu masa'alah lain yang agak rumit dan perlu di-persoalkan sa-chara yang berasingan, ia-itu kira-nya timbol satu sikap dalam masyarakat yang di-sebut sa-bagai "sikap purism" terhadap unsur2 kebudayaan lama itu. Perkara ini memberi ma'ana bahawa ada satu pendirian yang tidak sekali2 mau kepada sa-barang perubahan dalam bentuk dan isi kebudayaan tradisional itu. Pada hal da'am praktik-nya kebudayaan itu bukan statik tetapi dinamis. Sebab itu ukuran terhadap-nya di-buat mengikut zaman, apa yang di-pakai 100 tahun dulu mungkin telah hilang buat masa ini, atau tidak di-pakai lagi, atau setidaknya-nya tanggapan orang mengenai-nya sudah berubah sama sekali. Sa-bagai misal mengenai konsep "rezeki sa-chupak ta'kan jadi sa-gantang"; sekurang2-nya tanggapan kita sekarang telah berubah dan mungkin berlainan sekali dengan tafsiran orang tua2 kita dahulu, jika pun ia maseh kekal sa-bagai falsafah yang terus di-pegang oleh sa-gelintir orang. Maka demikian pula dalam bidang2 kehidupan yang lebeh kompleks, sa-lama mana kita tidak tutup pintu terhadap peradaban2 yang datang dari luar, sa-lama itu-lah pula kita tetap terdedah kepada perubahan2. Saperti beda-nya sa-orang kanak2 yang tidak pernah bersekolah dengan sa-orang kanak2 yang bersekolah tentu sekali banyak boleh di-dapati titek2 perbedaan dalam chara2 berfikir dan pengalaman-nya. Sebab masa'alah pergaulan mereka berbedad. Sekolah ada-lah ibarat alam luar, di-luar dari dunia (rumah-nya) sendiri. Jika di-perbincangkan hal ini saya fikir akan menyeyret kita ka-arah perbincangan mengenai bentuk kebudayaan manusia sekarang. Ada yang berpendapat bentuk kebudayaan manusia hari ini tidak ada lagi yang asli, semua telah menjadi berchampur adok, kerana tidak ada satu bangsa yang kekal terpenchil dari masa'alah terlibat meminjam kebudayaan orang lain (culture-borrowing), tetapi bagaimana pun hebat-nya pertambahan dan pergaulan itu mempengaruhi chiri2 peradaban dan kebudayaan sendiri, namun sifat2 dan nilai2 asli perlu terus di-kekalkan, kerana faktor2 akhir ini-lah yang akan mengenalkan dan menentukan identiti kita.

BILAMANA kita perhatikan tubuh kasar kita nescaya kita akan dapati bahawa hidup yang berbahagia ia-lah hidup yang teramat daripada gangguan2 penyakit, terjah dari segala bahaya. Sa-seorang tidak akan merasa senang hidup-nya jika badan-nya tidak sehat, bagitupun fikiran yang jernih tak akan bertapak dalam tubuh yang berpenyakit.

Sa-bagaimana kita berikhtiar sungguh2 hendak beroleh badan yang sehat maka sa-demikian pula kita sepatut-nya berusaha memperoleh ke-bersehan rohani, kerana kedua2 jasmani dan rohani ada-lah berhubung rapat antara satu dengan lain. Sebab manakala kesihatan jiwa yang terganggu, bathin di-dalam sudah berpenyakit, maka tiada-dah manusia itu akan merasa tenteram dan senang sekalipun badan-nya terbaring di atas tilam yang lunak dan sabagai-nya.

Itu-lah sebab-nya mendidek budi perkerti itu ada-lah pekerjaan yang wajib di-lakukan oleh sa-tiap orang supaya boleh kejayaan penoh dan mendapat kesenangan dan kebahagiaan. Sedangkan perangai yang baik itu sahaja terbit dari jiwa yang bersehan dan perangai yang buruk itu terbit dari jiwa yang kotor, bathin yang selalu berbungkus kekejian dan keburukan. Maka tiap2 hari mustahak-lah kita memberikan perhatian yang penoh terhadap ke-bersehan jiwa kita supaya ia-nya tetap terhindar dari an-ghaman penyakit yang mem-bawa kerosohan dan kerosak-an jiwa.

Kita mesti pandai mem-buangkan penyakit jiwa dengan chara menjadikan ugama dan akal itu paduman kita. Kalau manusia sudah biasa menghukumkan diri-nya yang tersalah, berarti meninggalkan kehendak hawa nafsu manakala di-bantah oleh akal dan ugama nechaya lama kelamaan jiwa yang liar itu akan menjadi jinak, yang kasar akan menjadi halus dan roh yang kotor akan menjadi ber-seh.

Mendidek budi-pekeriti wajib di-lakukan oleh sa-tiap orang

KHUTBAH JUMA'AT

Dalam hubungan ini mari kita ikuti saranan yang di-buat oleh Ibrahim bin Auham sa-orang yang bersehan jiwa-nya selalu kerumuni oleh orang pada masa ia berpergian ka-mana2. Orang2 yang mengerumuni-nya meminta kapada-nya supaya di-ajarkan "fatwa" yang akan melekaskan do'a terkabul, maka terus di-jawab-nya sa-bagai berikut:

Orang2 yang mati hati ia-lah mendapat kemurkaan dari Tuhan dan do'a-nya tiada akan di-terima ada pun yang menyebarkan mati hati itu ia-lah sa-puluh perkara:

Pertama: Orang yang meng-aku kenal Tuhan, pada hal hak2 Tuhan itu tiada di-bayar-nya.

Kedua: Orang2 yang meng-aku kaseh kapada Nabi Muhammad s.a.w. pada hal sunnah dan pelajar-an2-nya di-tinggalkan sa-haja.

Ketiga: Orang2 yang mem-bacha Al-Quran, tetapi isi-nya tiada di-amalkan dan tiada di-perdulikan-nya.

Ke-empat: Orang2 yang me-makan nikmat Allah, tetapi tiada bershukor kapada-nya.

Kelima: Orang2 yang meng-aku shaitan itu menjadi musuh ketat, tetapi dia sendiri berbuat sahabat.

Ke-enam: Orang2 yang meng-aku shorga itu benar ada-nya, tetapi jalan ka-sana tiada di-perdulikan.

Ketujuh: Mengakui neraka itu benar ada-nya, tetapi dia tiada lari dari jalan ke-neraka itu.

Kelapan: Orang2 yang meng-aku mati itu betul2 akan datang, tetapi mereka tiada bersedia untuk itu.

Kesembilan: Bila bangun dari tidur 'aib-orang di-perchakapkan, tetapi 'aib sendiri di-lupakan sahaja.

Kesepuluh: Orang2 yang se-lalu melihat mayat, tetapi tiada membawa insaf kapada diri-nya.

Maka dengan memerhatikan sa-puluh ajaran ini jelas-lah kapada kita apa sebab-nya Al-lah selalu menolak akan do'a hamba2-nya. Orang yang ber-sifat dengan sifat2 yang terse-but itu tiada-lah merasa lazat menyembah Tuhan, tiada akan merasa senang dan ba-hagia di-dalam hidup-nya, se-bab dia lebeh mengutamakan kehendak hawa nafsu-nya dari berbuat ta'at sesungguh-nya चाहया yang ada di-dalam hati-nya terpadam dan lenyap. Hanya orang yang menurut ajaran Islam jua-lah yang akan merasa kenikmatan be-ta'at kapada Allah, akan me-rasa senang hidup di-dunia dan akhirat.

Mari-lah kita berusaha me-njaga jiwa dan bathin kita ja-ngan sampai di-hinggapi pe-nyakit2 yang berbahaya ke-rana di-atas kebersehan jiwa itu-lah terletak-nya kebahagiaan hidup di-dunia dan akhirat yang sebenar-nya.

Kursus bagi bakal2 haji di-adakan tiap2 hari Jumaat

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kursus bagi bakal2 haji yang akan menunaikan fardhu haji dengan menaiki kapal terbang telah di-mulakan pada minggu lalu. Lebeh dari 500 orang bakal2 haji dari Daerah Brunei/Muara telah memula-kan kursus itu pada hari Ju-maat lepas. Kursus tersebut telah di-adakan di-enam buah tempat ia-itu di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bol-kiah; Sekolah Ugama Mada-rasah; Sekolah Melayu Lela Menchani; Sekolah Melayu Tamoi Tengah; Sekolah Me-layu Sungai Kebun dan Seko-lah Melayu Amar Pahlawan.

Kursus tersebut akan terus di-adakan pada tiap2 hari Ju-maat hingga penghujung bu-lan Nobember ini.

Kursus yang sama juga te-lah di-adakan bagi sa-ramai 20 orang bakal haji di-Daerah Temburong pada hari Sabtu lepas di-Sekolah Melayu Sul-tan Hassan Bangar.

Kursus bagi bakal2 haji Daerah Tutong, Belait akan di-adakan pada tiap2 hari Ahad. Kursus bagi bakal2 haji di-Daerah Tutong akan di-adakan di-Sekolah Melayu Muda Hashim.

Kursus yang di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Baha-gian Urusan Haji itu ada-lah be-rtujuan untuk memberikan latehan teori dan praktikal mengenai ker-jak2 inbadah haji.

Bakal2 haji itu di-jadualkan ber-tolak ka-Jeddah awal bulan Di-seMBER hadapan.

Pepereksaan bagi pelajar2 kelas dewasa peringkat permulaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Baha-gian Pelajaran Kelas Dewasa akan mengadakan pepereksaan kelas dewasa dalam pe-ringkat permulaan, menegah dan tertinggi dalam bulan No-ember dan Disember tahun ini.

Pepereksaan mata pelajaran bachean dan renchana jawi akan di-adakan pada 30hb. Nobember bachean dan ren-chana rumi pada 7hb. Disem-ber dan pepereksaan bahasa dan kira2 pada 8hb. Disember.

Pepereksaan tersebut ia-lah untuk pelajar2 kelas dewasa pelajaran rendah yang belum

memperolehi sijil kelulusan atau kenaikan peringkat pe-lajaran-nya, dan pelajar2 yang telah berhenti juga di-boleh-kan memasoki pepereksaan itu.

Perkara yang termasuk dalam pepereksaan peringkat menengah dan tertinggi ia-lah bachean jawi.

Semua guru2 yang berkena-an telah di-arahkan untuk memberitahu pelajar2 yang berkena-an dan menghantar-kan nama2 mereka dengan mengunakan borang yang di-sertakan, kapada Nazir Pela-jaran Dewasa Brunei, tidak lewat dari 24hb. September.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19hb. September, hingga ka-hari Selasa 25hb. Septem-ber, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
19hb.	Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10
20hb.	Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-53	6-10
21hb.	Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
22hb.	Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
23hb.	Sept.	12-29	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
24hb.	Sept.	12-29	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
25hb.	Sept.	12-19	3-36	6-24	7-35	4-37	4-52	6-09

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(19hb. September, 1973)

PENDAPAT YANG DI-MINTA

PENDAPAT umum akan diminta apa-kah pandangan mereka terhadap peranan siberan am Kerajaan sa-lama ini dapat memenuhi kehendak pendengar menurut selera mereka.

Berhubung dengan itu, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Setia Usaha Kerajaan telah melantik beberapa orang pegawai yang akan pergi keluar ka-kampung2 di-seluruh negeri mulai hari ini sa-hingga 25hb. September untuk menemu-duga orang ramai di-kampung2 tertentu bahawa dalam ranchangan apakah yang menjadi kegemaran mereka apabila Radio Brunei di-pancharkan ka-udara sa-tiap hari.

Dalam temu-duga itu juga akan menentukan nilai2 sa-tiap ranchangan yang di-hidangkan dan apa-kah ia-nya boleh menimbulkan satu inspirasi atau bahan idea yang hidup yang juga di-kutip dari sumber2 yang tidak kaku dan beku.

Dalam garis2 kasar isi temu-duga itu antara lain telah menekankan terhadap siaran2 di-bahagian Melayu kerana adalah di-perchayai lebih 80 peratus penduduk2 di-negeri ini membuka siaran2 tersebut sa-tiap hari.

Penemu2 duga itu akan bertanya, ada-kah di-rumah itu memiliki peti Radio, TV, ranchangan2 mana yang di-gemari, berapa jam sa-hari mendengar siaran2 Radio Brunei dan adakah juga membuka siaran2 Radio dari negeri2 jiran dan lain2 lagi.

Berbalek tentang peranan siberan am, dalam renchana pengarang Suara Brunei baru2 ini telah menegaskan tiga peranan penting siberan am. Pertama menyalurkan berbagai ilmu pengetahuan dan pelajaran, kedua membawa pendengar2-nya mengikuti dan mengetahui perkembangan2 dalam negeri dan ketiga memberi hiburan.

Dalam tiga peranan penting itu tentu-lah sedikit sa-banyak akan menimbulkan satu pendapat yang berbedas2 atau idea yang tidak sama, umpama-nya ada pendengar lebih suka kepada hiburan daripada mendengar ucapan2 dan ada sa-tengah-nya pula lebih suka kepada ucapan dan yang lain pula mengemari sendiwar radio, cerpen dan warta berita malah ada sa-tengah-nya pula bersungut dari mendengar lagu2 hiburan.

Meskipun Perkhidmatan Melayu Radio Brunei memberi peluang kepada pendengar2-nya untuk mengemukakan sa-barang pendapat atau buah2 fikiran membina terhadap ranchangan yang di-terbitkan namun tidak sa-orang pun dapat memenuhi maksud demikian melainkan hanya mendapati sentimen2 yang kurang sehat, limpar batu sembunyi tangan.

Dengan ada-nya bahan2 kajian dari hasil temu-duga itu nanti dapat-lah di-jadikan sandaran sa-jauh mana pendapat umum terhadap siberan am tempatan.



Sabahagian dari peserta2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan 'Bintang Dermawan' ketika di-perkenalkan kepada penunton sa-belum achara di-mulakan.

Mohd Yatim Aduka johan "Bintang Dermawan"



TIGA orang kanak2 gambar di-sebelah ini ia-lah kanak2 kembar tiga yang di-lahirkan oleh sa-orang Melayu, Dayang Masni bte. Said. Ayah mereka ia-lah Awang Tengah bin Salleh berasal dari Kampung Lorong Dalam, Kampung Ayer.

Dari kiri: Aminah — berat badan ketika lahir 5 pound 14 ounce; Jalinah — 5 pound 3 ounce dan Fatimah — 5 pound 8 ounce.

Mereka telah di-lahirkan di-rumah sakit Besar Bandar Seri Begawan pada 1hb. April, 1968.

Kanak2 itu datang ka-Klinik Kebajikan Kesihatan Kanak2 di-Kampung Ayer pada tiap2 bulan. Mereka ada-lah dalam keadaan sehat dan chergas.

Mereka di-jadualkan bersekolah pada awal tahun depan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Mohammad Yatim Aduka telah menjadi johan dalam peraduan nyanyian Bintang Dermawan yang di-adakan di-Pangcong Boon Pang Baharu Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat lepas.

Tempat kedua telah di-menangi oleh Awang Suhaili bin Haji Mokhtal dan ketiga oleh Awang Hasbol Shah.

Dalam peraduan nyanyian bintang kecil pula, Haslinda Mohammad Said telah munchol sa-bagai johan, sementara tempat kedua di-menangi oleh Rosli bin Hj. Abu Bakar dan ketiga Awangku Zainal Abidin bin Pengiran Puteh.

Sa-ramai 18 orang peserta telah mengambil bahagian dalam kedua2 peraduan itu, yang di-adakan sa-bagai sa-bahagian dari achara Pesta Amal untuk mengutip derma bagi menolong mangsa2 kebakaran di-Kampung Setia Pahlawan, Kampung Ayer.

Majalah Dewasa terbit dalam bulan Oktober

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa sedang menyusun cherita2 dan lain2 bahan penerbitan untuk di-terbitkan dalam majalah-nya keluaran yang ke-enam ia-itu Majalah Dewasa.

Majalah tersebut mengandungi renchana2 mengenai pelajaran, pertanian, kesihatan dan urusan rumah tangga.

Ia-nya akan di-terbitkan dalam bulan Oktober tahun ini.

Kolera di-Kudat

PENGARAH Perkhidmatan Perubatan Brunei telah di-beritahu oleh pihak berkuasa kesihatan Sabah bahawa Kudat telah di-istiharkan di-jangkiti oleh penyakit kolera.

PERTUNJOKAN pertanian Daerah Belait kali ke-V telah di-adakan di-padang kecil Kuala Belait pada hari Ahad lepas.

Pertunjukan yang di-anjarkan oleh Jabatan Pertanian itu ada-lah sa-bahagian dari achara perayaan hari puja usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sul-

tan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-27 tahun.

Antara barang2 yang di-pertunjukan ia-lah padi, beras, jagong, ternakan, buah2an, sayur2an dan hasil tempatan serta masak2an.

Gambar bawah menunjukkan orang ramai ketika menyaksikan sa-bahagian dari barang2 yang di-pertunjukan itu.





TUJUH dari sa-puluh orang qari dan qariah yang akan mewakili tiap2 daerah dalam peraduan Membacha Quran Peringkat Negeri yang akan di-langsungkan di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan selama dua malam berturut2 ia-itu pada 22hb. dan 23hb. September.

Gambar2 atas (dari kiri): Dayang Taibah bte. Kudi, (Daerah Belait); Awang Morni bin Sunai, Hajjah Dayang Damit bte. Mohammed Yusof dan Dayang Siti Hamiddah bte. Awang Angkat, kesemua-nya akan mewakili Daerah Brunei/Muara.

Sementara gambar bawah (dari kiri): Sharifah Hasnah bte. Malai Yahya (Daerah Temburong); Awang Mohamad Tahir bin Haji Jaafar dan Dayang Masni bte. Haji Manaf, kedua2-nya akan mewakili Daerah Tutong. — Gambar2 JHEU/BP.



Pandu2 puteri yang menerima lenchana kebakaran bergambar ramai bersama2 dengan Pengawal Pasokan Bomba, Awang E.C.G. Simpson (di-tengah2), dua orang pemimpin pandu puteri dan dua pegawai2 balai.

12 orang pandu puteri terima lenchana kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengawal Pasokan Bomba, Awang E.C.G. Simpson telah menyampaikan lenchana kebakaran kepada 12 orang pandu2 puteri dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Pandu2 puteri itu telah mengambil latehan sa-lama enam minggu mengenai chara2 memadam api kebakaran, men-chagah api dari merebak dan mengenali puncha2 terjadi-nya kebakaran.

Mereka juga di-ajar chara2 me-

nyelamatkan orang yang terperang-kap dalam asap kebakaran dan lain2 aspek yang berhubung dengan kegiatan2 bomba.

Pandu2 puteri itu telah di-beri-kan kursus oleh Pegawai Balai, Awang Zaidi bin Daud dan Penu-long Pegawai Balai, Awang Abdul Latif bin Ismail.

Ini ia-lah kali pertama pandu2 puteri dari sekolah itu mengikuti kursus tersebut untuk mengambil lenchana kebakaran.

Sambutan puja usia DYMM di-Mukim Labi

LABI. — Penduduk2 di-Mu-kim Labi, Ulu Belait akan merayakan hari puja usia Ke-bawah Duli Yang Maha Mu-lia Paduka Seri Baginda Sul-tan dan Yang Di-Pertuan Ne-geri Brunei ke-27 tahun sa-lama tiga hari mulai dari 20hb. September ini.

Achara2 yang akan di-per-sembahkan termasuk-lah per-tunjukan aneka ragam oleh penduduk2 dan murid2 seko-lah di-kampung tersebut dan satu pertunjukan wayang gam-bar oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Pelajaran anak2: Iubapa perlu ambil perhatian berat

SERIA. — Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait, Awang Haji Sabtu bin Mohamed telah menasehatkan murid2 su-paya terus bergiat dalam sega-la lapangan pelajaran teruta-ma sekali di-bidang pelajaran sains dan Ilmu Hisab.

Awang haji Sabtu menjelas-kan bahawa kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sentiasa mengha-rapkan penuntut2 yang berke-chenderongan dalam lapangan

tersebut kerana kedua mata pelajaran itu ada-lah asas uta-ma untuk mencapai kejayaan dalam jurusan2 kejuruteraan, doktor, akitek dan lain2.

Nadzir Sekolah2 Melayu itu telah menegaskan demikian dalam kata2 alaun majalah tahunan yang ketiga Sekolah Menengah Melayu Mohamed Alam. Seria yang di-usahkan oleh Badan Bahasa dan Persuratan di-sekolah itu.

Beliau juga berharap kepada ibu-bapa dan penjaga kanak2 supaya mengambil perhatian berat ten-tang pelajaran anak2 mereka dari

peringkat rendah hingga peringkat menengah.

Jabatan pelajaran kata-nya, sentiasa menitik beratkan, mengkaji dan mengawasi semua pelajaran di-Brunei agar sa-tanding dengan negara2 yang maju.

Pengetua Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam Seria, Awang Tuah bin Haji Hitam dalam kata2 alu2an-nya di-Majalah itu juga menasehatkan kepada mu-rid2 supaya menjauhkan diri dari perbuatan sia2 yang tidak menda-tangkan faedah dan mereka hendak-lah tekun belajar, tabah, sa-bar dan taat kepada peratoran dan undang2.

Penuntut2 yang melanjutkan ka-U.K.

BERAKAS. — Sa-ramai 25 orang penuntut Brunei telah berlepas ka-London pada hari Rabu lalu untuk melanjutkan pelajaran mereka di-berbagai maktab di-United Kingdom.

Mereka ia-lah Dy. Aisah bte. Hj. Mohd. Hussain, Awg. Arshad bin Abd. Adis, Dy. Fatimah bte. Abd. Hamid, Awg. Hedus bin Dollah, Awg. Ismail bin Hj. Mohd. Jaafar, Awg. Ismail bin Ahmad, Awg. Ibrahim bin Hj. Mohd. Ali, Awg. Ismail bin Marsal, Awg. Ismail bin Puteh, Awg. Johari bin Mohd. Yusof, Awg. Kamaruddin bin Jaafar, Awg. Lee Yen Tshin, Awg. Mahmud bin Ibrahim, Awg. Mohd. Said bin Pehin Penyurat Hj. Hashim, Awg. Mahali bin Momin, Awg. Mahadi bin Ibrahim, Awg. Narawi bin Merus-

sin, Awg. Osman bin Tamin, Dy. Rokiah bte Taha, Awg. Sulaiman bin Mohd. Noor, Awg. Samat bin Hj. Abas, Awg. Sidek bin Ali dan Awg. Zainal Abidin bin Hj. Mohd. Ali.

Dua orang penuntut lagi, Awg. Anthony Liew Vun Chiang memasoki Tahun I bagi ijazah B.Sc. (Bailogy) di-London Universiti dan Awg. Mohd. Alipah bin Murah memasoki Tahun I bagi ijazah B.Sc. (Pertanian) di-Newcastle Universiti.

Dayang Fatimah bte. Pehin O.K. Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Hj. Mohd. Jamil yang menuntut di-Southampton Technical College telah berlepas dalam bulan Ogos lalu.

Sementara itu, tiga orang lagi penuntut Brunei yang di-jadualkan bertolak di-hari yang sama ka-United Kingdom telah di-tanggihkan hingga ka-satu tarikh kemudian.



PASOKAN bola sepak Daerah Brunei/Muara bergambar dengan oskar kemenangan mereka sa-telah pasokan itu mengalahkan pasokan Daerah Belait dalam perlawanan bola sepak antara daerah.

Perlawanan tersebut di-anjarkan oleh J/K Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan D.Y.M.M. bagi Daerah Brunei/Muara dan telah di-kendalikan oleh Persatuan Bola Sepak Amatior Brunei.

Perlawanan tersebut di-jalankan dengan chara pukul keliling dua pusingan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Sa-bagai

Penterjemah Kanan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Penterjemah Kanan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian (credit) dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama lima tahun dalam kerja2 menterjemah.
- Boleh membacah dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara kontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perchubahan enam bulan. Chalun2 yang berjaya yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-Perjawatan Tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perchubahan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan ganap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb. Oktober, 1973.

TAWARAN PERMAKANAN ASRAMA TAHUN 1974

Tawaran2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang, hari Isnin, 24hb. September, 1973 bagi membekalkan bahan2 permaakanan Asrama untuk tahun 1974 kepada sekolah2 dan maktab2 yang berikut:

- Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, Brunei.
- Sekolah Pertukangan Bangunan, Jalan Muara, Brunei.
- Maktab Per-

guruan Sultan Hassanah Bol-kiah, Gadong, Brunei.

b) Asrama Puser Ulak, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kumpulan 3: a) Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Brunei.

b) Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kumpulan 4: a) Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

b) Sekolah Inggeris Sufri Bolikah, Tutong.

Kumpulan 5: a) Maktab Anthony Abell, Seria.

b) Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajudin, Kuala Belait.

Kumpulan 6: a) Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait.

b) Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Kumpulan 7: Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan, Bangar.

2. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan.

3. Tawaran2 yang di-terima sa-lepas jam 4.00 petang, 24hb. September, 1973 tidak akan di-terima dan di-layan.

2. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat biasa yang tertutup rapi di-alamatkan saperti di-para 1 di-atas dan hendak-lah di-bubuh tanda dengan terang:

'TAWARAN PERMAKANAN ASRAMA TAHUN 1974'

Mesti-lah tidak ada sa-barang tanda di-luar sampul surat itu yang boleh mengenalkan nama pemborong. Mana2 tawaran yang di-tulis dengan tidak senonoh dan tidak lengkap akan di-kira rosak dan tidak akan di-pertimbangkan.

5. Wang pertorohan (deposit) sa-banyak \$100.00 (sa-ratus ringgit sahaja) bagi tiap2 kumpulan hendak-lah di-bayar pada masa mendaftar dan wang itu akan di-kembalikan kepada pemborong2 yang tidak berjaya. Pemborong2 yang berjaya tetapi tidak mahu menerima tawaran itu, maka wang pertorohan-nya akan hilang.

6. Pemborong2 mesti-lah mereka yang tinggal di-dalam daerah tempat maktab/sekolah itu dan mereka tidak di-benarkan memborong di-daerah2 yang lain.

7. Waktu2 mendaftar ia-lah pada tiap2 hari bekerja dari jam 8.00-12.00 tengahari dan dari jam 1.30-2.30 petang pada tiap2 hari Isnin — Khamis dan dari jam 8.00-10.00 pagi bagi hari Sabtu. Mendaftar sa-chara berpesan kepada orang lain tidak akan di-terima.

8. Kerajaan tidak akan bertanggung-jawab bagi menerima sa-barang tawaran yang murah atau lain2 tawaran.

Kerani Kira2 di-Sharikat Minyak Shell

Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad ada kerja2 kosong sa-bagai Kerani kira2 di-Jabatan Kewangan-nya.

Chalun2 hendak-lah — terdiri dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan.

— lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya.

— faham berchakap serta menulis bahasa Inggeris.

— sudah beberapa tahun berpengalaman dalam kerja kira-mengira dalam perusahaan atau perdagangan.

— sebaik2-nya sudah tamat

R.S.A. Tingkatan II terhadap kursus Menyimpan Buku Kira2 atau kursus sa-umpama itu.

Permohonan2 dengan chara bertulis memberikan butir2 diri, rekod pelajaran dan pengalaman berkerja hendak-lah di-alamatkan kepada:-

Jabatan Peranchang Kakitangan (Pengambilan), Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria, Negeri Brunei.

pada sarong surat di-tulis "SULIT — KERANI KIRA-KIRA".

Pelateh2 teknik untuk bekerja dengan L.N.G.

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD, mengikut di-bawah sharat2 kontrek mereka dengan Sharikat L.N.G. Berhad, mempelawa pemohon2 bekerja dengan-nya. Mereka ini hendak-lah terdiri dari pemuda2 ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Chalun2 yang berjaya akan di-beri lantekan permulaan di-Pusat Latehan L.N.G. di-Lumut dan sa-lepas itu di-tempatkan kepada kerja2 bergilir di-bahagian Pengolahan (Process) atau bahagian Perkhidmatan (Utilities), Jabatan Operasi L.N.G.

Pemohon2 hendak-lah faham berchakap serta menulis dalam bahasa Inggeris dan hendak-lah tamat Sijil Pelajaran Malaysia (Aliran Sains), sebaik2-nya lulus dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Sains. Pemohon2 yang sudah ada sedikit sa-banyak pengalaman bekerja adalah di-persilakan memohon.

Gaji permulaan bagi Pelateh2

Teknik ini ia-lah B\$295.00 sabulan dan ini di-tambah menjadi B\$400.00 sabulan sa-telah tamat dengan jaya-nya tempoh lantekan permulaan itu. Dan lagi, sa-lepas itu ada-lah tertaklok kepada kenaikan tetap yang mana terpulunglah kepada pekerjaan dan keupayaan.

Permohonan2 hendak-lah dibuat dengan chara bertulis memberikan butir2 diri, rekod pelajaran dan pengalaman bekerja dan ini di-alamatkan kepada:-

Jabatan Peranchang Kakitangan (Pengambilan), Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria, Negeri Brunei.

Pada sarong surat di-tulis dengan terang "SULIT — PELATEH TEKNIK BEKERJA DENGAN L.N.G."

Tarikh permohonan ini di-tutup ia-lah pada hari Jumaat, 12hb. Oktober, 1973.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PEMBACHA METER DI-JABATAN KERAJA RAYA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Pembacha Meter di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurangnya 20 tahun.

Kerani Tingkatan 'A'

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat untuk memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'A' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah lulus Peperiksaan Kerani2 Rendah bagi Kerani Tingkatan 'A' dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2 EB. 3-4 — \$230x10-290/EB/15-380/EB/410x20-510-540x20-600. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini hendak-lah menghantar permohonan mereka dalam 2 salinan kepada Pegawai Perjawatan melalui Ketua Jabatan masing2 dan mesti-lah sampai di-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 13hb. Oktober, 1973.

Ketua2 Jabatan sa-masa mengadapakan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentuk surat) hendak-lah menyertakan Laporan2 Sulit berhubung dengan pegawai2 ini serta menyatakan tugas mereka sekarang dan kesesuaian masing2 untuk di-naikkan pangkat. Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hadapkan.

Pemandu Motor Sangkut Tingkat I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pemandu Motor Sangkut Tingkat I di-Jabatan Laut, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan mempunyai sekurang2nya 4 tahun perkhidmatan yang di-akui sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II.
- Pemohon2 mesti-lah berbadan sehat, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus dalam peperiksaan mata. Pemohon2 mesti-lah boleh berenang tidak kurang dari 220 ela dengan apa chara sekali pun.
- Chalun2 yang berjaya mungkin di-kehendaki bertugas sa-bagai Kelasi Tingkat I, Bahagian Dek atau Bilek Injin. Mereka hendak-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat di-dalam negeri.
- Sa-telah menjalani satu tempoh perkhidmatan di-laut, chalun2 yang berjaya akan di-kehendaki menghadiri kursus2 latehan untuk mengambil peperiksaan bagi mendapatkan Sijil2 Kecekapan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 EB.4 — \$220x5-240/EB/245x5-260.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menghantarkan Laporan2 Sulit mengenai pemohon2

rang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya dan berumur tidak lebih dari 25 tahun.

Tugas2:

- Menchatet angka2 penggunaan ayer dari meter2 bekalan ayer.
- Memeriksa dan melaporkan meter2 yang rosak. Memperbaiki kerosakan2 kecil bagi meter2 yang bochor.
- Pemohon2 yang berjaya mesti-lah sanggup untuk bertugas di-sebarang daerah di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB.3

Pemandu Motor Sangkut Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II di-Jabatan Laut, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 16 tahun dan tidak lebih dari 22 tahun dan telah tamat Darjah VI dalam Aliran Melayu atau yang sa-banding dengan-nya.
- Pemohon2 mesti-lah berbadan sehat, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus dalam peperiksaan mata. Pemohon2 mesti-lah boleh berenang tidak kurang dari 220 ela dengan apa chara sekali pun.
- Pemohon2 akan di-kehendaki lulus Ujian Kecekapan sa-bagai Pemandu Motor Sangkut. Chalun2 yang berjaya akan di-kehendaki lulus peperiksaan dan ujian kecekapan bagi Pemandu Motor

bersama2 dengan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 8hb. Oktober, 1973.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Ahli Bomba Pelatih di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur — di-antara 18 dan 28 tahun.
- Tinggi — sekurang2nya 5' 4".
- Pelajaran — sa-seorang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan ini hendak-lah lulus sekurangnya Tingkatan I Sekolah Melayu atau darjah yang sa-banding di-sekolah Inggeris atau lain2 sekolah.

Kesihatan:

Pemohon2 ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan kesihatan dan mereka mesti-lah mempunyai badan yang tegap.

— \$220x10-290/EB/300x10-350.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10hb. November, 1973.

Sangkut, sa-belum mereka ditetapkan dalam jawatan masing2. Ujian2 itu akan di-jalankan oleh Jabatan Laut, Brunei.

- Chalun2 yang berjaya mungkin di-kehendaki menjalankan tugas2 Kelasi Tingkat II, Bahagian Dek atau Bilek Injin. Mereka di-kehendaki bersedia bertugas di-mana2 tempat dalam negeri ini.
- Sa-telah menjalani satu tempoh perkhidmatan di-laut, chalun2 yang berjaya akan di-kehendaki menghadiri kursus2 latehan untuk mengambil peperiksaan bagi mendapatkan Sijil2 Kecekapan.
- Mempunyai latar belakang sa-bagai pelaut merupakan satu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2 EB.3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 11hb. Oktober, 1973.

Sa-bagai Ahli Bomba Pelatih

Menjalankan Tugas2:

Chalun2 yang berjaya apabila di-lantik ada-lah di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

Gaji:

Mulai dari \$200.00 sa-bulan dan sa-lepas berkhidmat sa-lama 6 bulan dengan memuaskn chalun2 yang di-pileh akan di-naikkan pangkat menjadi Ahli Bomba Peringkat Kedua dengan gaji sa-banyak \$230.00 sa-bulan dalam sukatan gaji \$230x5-265.

Tempat Kumpulan Pengambilan:

Pengambilan orang2 baru ini akan di-adakan di-Seria dan Bandar Seri Begawan, Brunei seperti yang berikut:

- Pemohon2 daripada Kuala Belait dan Seria ada-lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Pusat Bomba Seria (Seria Fire Post) pada masa hari bekerja ia-itu hari Khamis 18hb. Oktober,

Penolong Pegawai

Balai

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Penolong Pegawai Balai di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur — di-antara 18 hingga 26 tahun.
- Tinggi — sekurang2nya 5' 4".
- Dada — sekurang2nya 34" bila di-kempiskan.
- Lulus Form III atau sa-banding dengan-nya dalam Bahasa Inggeris dan Darjah IV Melayu.

Kesihatan:

Pemohon2 mesti-lah berbadan tegap dan sihat den di-kehendaki lulus ujian kekuatan seperti yang di-kehendaki dalam Pasokan Bomba.

Latehan:

Chalun2 yang berjaya mesti-lah melayakan diri untuk Kelas Latehan Pegawai2 yang akan di-adakan di-dalam negeri dan mungkin di-kehendaki menjalani latehan di-seberang laut.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya apabila di-lantik akan di-kehendaki menjalankan tugas di-mana2 Balai Bomba di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji Pr. 3 — \$310x5-320x10-340. Sekira-nya sa-seorang chalun yang berjaya itu ia-lah pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, gaji permulaan-nya akan di-pertingkatkan oleh Suhojanja Perkhidmatan Awam.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada Pengawal Pasokan Bomba, Brunei tidak lewat dari 10hb. Oktober, 1973.

1973 (satu hari sahaja).

- Pemohon2 daripada Bandar Seri Begawan, Muara, Tutong dan Temburong ada-lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Bandar Seri Begawan di-masa hari bekerja sa-lama satu hari ia-itu Sabtu 20hb. Oktober, 1973.

Chalun2 hendak-lah membawa bersama2 mereka Sijil2 Beranak. Sijil2 Pelajaran dan Kad2 Pengenalan sa-masa datang ka-tempat pengambilan tersebut.

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 yang di-kehendaki seperti di atas di-minta menghadiri kumpulan pengambilan tersebut.

Ujian Bertulis:

Chalun2 yang lulus ujian2 permulaan akan di-uji lagi dengan ujian bertulis dan siapa2 yang gagal dalam ujian ini tidak akan di-sokong untuk jawatan tersebut.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

Hampir \$4,000 di-terima utk derma stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Jawatan Kua-sa Tertinggi Derma Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri telah menerima sumbangan sa-banyak \$3,573.20 untuk tabong pembinaan stadium.

Sumbangan pertama, sa-keping cek yang bernilai \$3,040.00 di-terima dari Yang Berhormat Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri. Derma tersebut di-sampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Indera Awang Haji Jaili bin Ibrahim.

Yang Berhormat itu telah meng-ucapkan berbanyak2 terima kasih dan memberikan penghargaan yang setinggi2-nya atas semangat ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang sentiasa ta'at setia menjun-jong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang mana merupakan semangat yang memang sedia ada di-kalangan orang2 Brunei yang di-pusakai turun termurun.

Sumbangan kedua sa-banyak \$373.20 di-terima dari hasil pendapatan tamu senilukis yang di-adakan baru2 ini oleh pelukis2 tempatan yang di-pengerusikan oleh Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad.

Yang Berhormat itu juga telah meng-ucapkan terima kasih dan memberikan penghargaan yang setinggi2-nya kepada usaha yang di-jalankan oleh pelukis2 tempatan dengan mengadakan tamu senilukis itu yang mana usaha mereka itu menunjukkan semangat dan perasaan ta'at setia mereka untuk menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi menjayakan pembina-an stadium itu.

Empat orang adek beradek, Teo Eng Kiat, Teo Eng Cheng, Teo Eng Hock dan Teo Eng Lock dari batu 5, Jalan Berakas telah men-derma sa-banyak \$160.00.

Sumbangan itu ada-lah merupa-kan derma persendirian dari me-reka untuk menjunjung titah keba-wah D.Y.M.M. Paduka Seri Ba-ginda Sultan dan Yang Di-Pertuan terhadap pembinaan stadium itu.

Ketika menerima derma itu, Yang Berhormat itu telah meng-ucapkan berbanyak2 terima kasih dan memberikan penghargaan yang setinggi2-nya kepada sema-ngat dan perasaan ta'at setia me-reka, untuk menjunjung titah ba-ginda, dan berharap perasaan yang sa-demikian itu akan menjadi satu chontoh dan tauladan yang baik untuk di-ikuti.

Sementara itu, Jawatankuasa Derma Tabong Pembinaan Sta-dium Daerah Belait baru2 telah menerima sa-keping cek bernilai \$200.00 dari Awang V.A. Williams, Penasehat Undang2 Sharikat Mi-nyak Shell Brunei Berhad, di-Se-ria sumbangan kepada tabong ter-sebut.



Awang Simpson menyampaikan perisai kepada Awg. Bujang bin Ali Ahmad yang di-pilih sa-bagai rekrut terbaik.

Tugas anggota bomba melindungi harta benda orang ramai

MUARA. — Pengawal Pasokan Bomba, Awang E.C.G. Simpson telah menyeru semua anggota2 bomba supaya menumpukan perhatian sepenoh-nya un-tok menolng dan melindungi sa-siapa jua yang da-lam kesusahan di-Brunei.

Kata-nya, tugas anggota2 bomba yang tidak per-nah di-lupakan ia-lah melindungi harta benda orang ramai.

Pengawal Pasokan Bomba itu berkata demikian, sa-telah memeriksa satu perbarisan tamat latihan bagi rekrut2 baru dalam pasokan tersebut di-Balai Bomba Muara pada hari Jumaat lepas.

Awang E.C.G. Simpson dalam ucapan-nya te-lah melahirkan rasa sukacita bagi menyambut ke-datangan ahli2 bomba baru ka-dalam pasokan Bom-ba yang beliau percayai mereka akan berpeluang menggunakan pelajaran latihan yang telah di-pela-jari, untuk memahirkan diri mereka apabila bertugas di-balai2 bomba lain-nya.

Kata-nya, sa-lepas masa perchubaa sa-lama tiga tahun, mereka boleh di-naikkan ka-dalam peringkat ahli bomba tertentu, dalam mana ia-nya berkehendakkan pelajaran dan kelulusan bagi pepekerjaan bertulis dan pra-tikal.

Pengawal Pasokan Bomba itu telah melahirkan keinginan untuk menarek perhatian ahli2 bomba lain-nya supaya mendapatkan ran-changan hadiah Duke of Edin-burgh yang baru2 ini di-perkenal-kan di-negeri ini. Beliau berha-rapkan mereka berjaya mendapat-kan hadiah ke-emasan dari ran-changan itu pada tingkatan umur 21 tahun dan kejayaan itu akan di-iktiraf sa-bagai satu kelayakan untuk kenaikan pangkat menjadi ahli bomba kelas satu.

Pengawal Pasokan Bomba itu juga telah menyampaikan hadiah2 dan sijil2 kepada lima orang rekrut yang lulus.

Awang Bujang bin Ali Ahmad terpilih sa-bagai ahli bomba ter-baik dalam semua jurusan; Awang Mansor bin Awang Damit terpilih sa-bagai ahli bomba terbaik dalam jurusan praktikal; Awg. Oth-man bin Tuah terpilih sa-bagai ahli bomba terbaik dalam jurusan teori, sementara Awang Tassim bin Haji Duraman dan Awang Najib bin Taris masing2 menerima sijil.

Di-upachara tersebut, ahli2 pa-sokan bomba itu juga telah me-nunjukkan chara2 memadamkan api kebakaran dan chara memadam api di-bangunan2 tinggi de-ngan menggunakan tangga.

Pmk SUK melawat Pusat2 Pertanian

KILANAS. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abd. Aziz telah melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas dan Birau petang Selasa lalu.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Hj. Abd. Aziz di-temani oleh Pmk. Timbalan Pesuruhjaya Tanah, Awang Salleh bin Hidup dan ketibaan mereka ka-Pusat Per-tanian itu telah di-sambut oleh Pengarah Pertanian, Awang R.B. Woodroffe, Pmk. Timbalan Pengarah Pertanian, Awang Abd. Hamid bin Jaafar dan Pegawai Per-tanian Awang Morni bin Othman yang juga turut mengiringi sa-pang-jang lawatan itu.

Yang Berhormat Pmk. Setia Usaha Kerajaan, antara lain telah di-bawa melawat ka-tempat2 per-chubaaan menanam padi paya dan tugal yang sekarang giat di-usaha-kan untuk memilih dan menentu-kan beneh2 padi yang baik sa-kali untuk di-tanam di-negeri ini.

Lebih 100 jenis padi paya dan tidak kurang dari 20 jenis padi tugal sedang di-tanam di-Pusat itu.

Yang Berhormat itu kemudian telah di-beri penerangan2 berhu-bung dengan kerja2 yang sedang di-usahakan dan yang akan di-usahakan di-Pusat itu termasuk untuk membuka satu kawasan baru sa-luas 105 ekar di-Mulaut yang sedang di-buka untuk tanaman pa-di tugal, jagong dan lain2 tanaman seperti kacang hijau, kelidek, ubi kayu dan ubi manis.

Lima ekar dari keluasan kawa-san itu telah pun hampir siap un-tok di-tanami dan 100 ekar lagi akan di-bersekan untuk di-tanami dengan padi tugal, jagong dan lain2 tanaman.

Yang Berhormat itu juga telah melawat ka-kawasan baru itu di-Mulaut.

Dari Mulaut, beliau kemudian-nya pergi ka-Pusat Pertanian Bi-rau di-mana Yang Berhormat itu dapat menyaksikan tanaman padi tunggal sa-banyak 50 grams yang

di-terima dari Penyelidikan Padi Antarabangsa di-Manila untuk ta-naman perchubaaan.

Jika sa-kira-nya tanaman padi perchubaaan itu di-dapati sesuai dan berjaya ia-nya akan di-tanam lagi untuk membanyakkan beneh2 padi yang akan di-bahagi2kan ka-pada kaum peladang.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Hj. Abd. Aziz juga sempat menyaksikan tanaman kopi besar dan kecil serta limau susu.

Pegawai Pentadbir berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai Pentadbir Brunei berlepas ka-United King-dom semalam untuk mengikuti satu kursus sa-lama sa-tahun me-nge-nai pentadbiran sosial dan awam di-South Devon Technical College, di-Torquay England.

Mereka ia-lah Aliakbar bin Abu Bakar, sa-orang Pegawai Pentadbir di-Jabatan Kerja Raya dan Taib bin Adis sa-orang Pegawai Pen-tadbir di-Jabatan Tanah.

Pepereksaan Bahasa Inggeris bagi pelajar2 kelas Dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa akan mengadakan Pepereksaan Bahasa Inggeris bagi pelajar2 darjah dua, empat, enam, Menengah Satu dan Dua dalam bulan Disember tahun ini.

Pepereksaan itu akan di-adakan pada 3hb., 4hb. dan 5hb. Disem-ber bagi orang2 dewasa yang be-lajar di-Kelas2 Dewasa di-negeri ini.

Sa-seorang chaluun mesti-lah te-lah mendaftarkan diri kepada sa-lah sa-buah kelas2 dewasa itu dan telah menghadihi kelas2 tersebut sekurang2-nya 70 peratus dari jum-lah kedatangan hari persekolahan.

Chaluun2 hendak-lah mendaftarkan diri kepada guru2 mereka de-ngan menggunakan borang2 yang di-sediakan dan borang2 permohonan itu hendak-lah termasuk su-kongan2 guru2 mereka. Pelaiar2 yang maseh belum menerima bo-rang2 mereka ada-lah di-minta

supaya mendapatkan-nya dari Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa, Bandar Seri Begawan dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Chaluun2 yang ingin memasoki pepereksaan bagi darjah empat, enam, menengah satu dan dua hendak-lah telah lulus dalam pe-lajaran darjah2 sabelum-nya.

Pelajar2 itu di-kehendaki mem-bayar yuran sa-banyak \$2.00.

Pusat2 Pepereksaan itu terma-sok-lah Maktab SOAS, Bandar Seri Begawan bagi chaluun2 di-Bandar Seri Begawan, Maktab Anthony Abell, Seria bagi chaluun2 di-Seria dan Sekolah Inggeris Per-dana Wazir, Kuala Belait bagi chaluun2 di-Kuala Belait.

Borang2 permohonan hendak-lah di-hantar kepada Penyelia Kelas2 Dewasa atau kepada Jabatan Pe-lajaran, Bahagian Pelajaran De-wasa, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 23hb. September ini.

Bantuan utk mangsa kebakaran

(Dari Muka 1)

Sementara itu, pegawai2 dan Kakitangan di-Pejabat Talikom telah memberikan bantuan wang lebih \$300.00.

Awang Jais bin Abu Bakar, mempunyai 7 orang anak telah meng-ucapkan terima kasih ka-

pada orang ramai yang telah ber-simpati memberi derma dan ban-tuan2 yang meringankan penderi-taan yang di-tanggung-nya.

Turut menyaksikan ka-tempat kebakaran itu ia-lah Penulong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Jaya bin Abdul Latif.